

TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR NORAZMIR MD NOR
TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL PELAJAR

MEWAKILI
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KE KEJOHANAN SUKAN STAF KARISTA 2025

22 OGOS 2025 | JUMAAT | 2.45 PETANG
DEWAN SERBAGUNA

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN

WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL

ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI

WASOHBIHI AJMAIN

Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri UiTM
Cawangan Selangor

Barisan Sekretariat dan Jawatankuasa

Seterusnya, kontinjen UCS, para atlet yang diraikan
sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM diHatiku.**

1. Terlebih dahulu, **mewakili Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.
2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada petang ini sempena **Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen UiTM Cawangan Selangor ke Kejohanan Sukan Staf (KARiSTA) 2025**.
3. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua atlet yang telah terpilih.

4. Anda semua adalah wira dan wirawati yang membawa nama dan semangat UiTM Cawangan Selangor ke medan persaingan.
5. Majlis petang ini bukan sekadar simbolik penyerahan bendera, tetapi ia adalah simbolik penyerahan kepercayaan, harapan dan semangat juang kepada semua atlet.
6. Bendera yang anda bawa mewakili maruah, integriti dan semangat kesatuan warga UiTM Cawangan Selangor.
7. Saya yakin, dengan latihan yang rapi, disiplin yang tinggi, dan semangat juang yang utuh, anda semua mampu memberikan saingan yang hebat serta mencipta kejayaan yang membanggakan.

8. Berjuanglah dengan penuh semangat kesukanan, dan bertandinglah dengan jujur dan penuh integriti.
9. Menang atau kalah bukan ukuran mutlak, tetapi komitmen dan usaha yang anda tunjukkan adalah bukti semangat luar biasa.
10. Akhir kata, saya doakan agar kontinjen UiTM Cawangan Selangor akan pulang dengan kejayaan cemerlang, membawa pulang bukan sahaja pingat, tetapi juga pengalaman berharga dan kenangan manis yang akan dikenang selamanya.
11. Semoga Allah SWT memberkati setiap usaha anda semua, melindungi daripada sebarang kecederaan, serta mengurniakan kejayaan yang penuh makna di KARiSTA 2025 ini.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**